



TEKS UCAPAN

OLEH

**PENGARAH PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN, KKM BIL. 1/2024**

TARIKH: 6 MEI 2024

TEMPAT: RUANG LEGAR LOBI BLOK E3

Kata-Kata Aluan

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera, selamat pagi dan salam Malaysia Madani.

Yang Berusaha,

En. Muhammad Azhar bin Mohd Noor – Timbalan Pengarah Kanan
(Perkhidmatan),

Ir. Dzulkifli bin Mohamad - Timbalan Pengarah Kanan (Regulatori);

Yang Dihormati,

Timbalan-Timbalan Pengarah Cawangan dan Sektor,

Pegawai-pegawai Kanan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

PENGENALAN

1. Terima kasih tuan pengacara majlis. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Pagi, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Bil.1/2024 pada hari yang indah ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang hadir dalam Perhimpunan Pagi yang julung kali diadakan ini bagi mendengar amanat yang akan saya sampaikan sebentar lagi.
3. Majlis Perhimpunan Pagi ini mungkin akan kita adakan sekurang-kurangnya dua kali setahun sebagai platform untuk kita semua berkumpul bersama-sama dalam keluarga BPKj yang besar ini bagi memupuk semangat berpasukan dan perpaduan di kalangan anggota kita di samping menjadi wadah pengurusan tertinggi BPKj menyampaikan maklumat berkenaan dasar-dasar baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan dan transformasi-transformasi terkini yang telah dilaksanakan dalam perkhidmatan awam.
4. Di kesempatan ini juga, masih tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, kepada semua warga BPKj yang hadir. Diharapkan, majlis sambutan dan ramah mesra yang diadakan di peringkat bahagian atau di peringkat cawangan dan sektor masing-masing pada setiap tahun dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara kita.

BEKERJA BERSAMA SAYA

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Seperti semua sedia maklum, saya telah dilantik secara rasmi sebagai Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan bermula pada 26 Februari 2024 tahun ini. Saya sedar bahawa tugas yang diamanahkan ini adalah sangat berat untuk dipikul seorang diri terutamanya dalam menerajui bahagian yang terlibat secara langsung dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan negara sentiasa berada dalam keadaan terbaik.
6. Justeru, saya amat mengharapkan sokongan yang padu daripada semua kakitangan di setiap peringkat bermula dari pucuk pimpinan atasan BPKj sehingga kepada kakitangan profesional dan sokongan dalam menterjemahkan setiap arahan dan inisiatif yang saya telah rangkakan selama ini. Sudah tentu, matlamat akhir setiap arahan dan inisiatif tersebut adalah pelaksanaan tindakan oleh tuan-tuan dan puan-puan bagi memastikan segala perancangan yang diatur dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan demi kelangsungan perkhidmatan kesihatan.
7. Sehubungan itu, saya menyeru agar semua anggota BPKj dapat **bekerja bersama-sama saya**, bukannya bekerja untuk saya dalam menterjemahkan setiap inisiatif serta program yang dirangka kerajaan, kementerian dan bahagian ini. Kerjasama setiap pihak, kerja berpasukan dan komunikasi berkesan merupakan elemen yang sangat penting dalam menjayakan usaha-usaha kerajaan dan program-program kementerian.

KITA PERLU BERSEDIA BERUBAH

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

8. Sebagai penjawat awam, kita perlu sentiasa cakna dengan dasar, aspirasi dan nilai-nilai yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi meningkatkan martabat sektor awam. Seperti yang kita maklum, penjawat awam merupakan penggerak dan tulang belakang negara dalam asas membina kemajuan sosial dan ekonomi.
9. Sektor perkhidmatan awam perlu **sentiasa bersedia berubah** supaya sesuai dengan hala tuju semasa kerajaan. Justeru, kita semua sebagai penjawat awam perlu mempunyai **kesediaan minda dan usaha untuk berubah** daripada suatu cara kerja lapuk kepada pendekatan baharu yang lebih efisien, berdaya maju dan memenuhi kehendak pemegang taruh serta pelanggan. Inilah yang saya mahu tuan-tuan/puan-puan terapkan semasa melaksanakan tugas di bahagian ini dan semasa berurusan dengan pihak-pihak berkaitan di luar sana.
10. Prinsip Malaysia MADANI merupakan teras utama kepada kerangka visi baharu negara dalam menghasilkan masyarakat yang maju, terampil dan terangkum. Manakala aspirasi GREAT Civil Service yang diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dan penerapan nilai-nilai HEMAT yang digariskan oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merupakan penggerak bagi merealisasikan agenda nasional melalui penjawat awam sebagai ejen kepada kerajaan dalam menyantuni rakyat.

BUDAYA KERJA 4F

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

11. Saya sering mengingatkan tentang **budaya kerja 4F** yang perlu kita sentiasa amalkan semasa melaksanakan tugas iaitu ***focus, flexible, fast & first time right***. Perkara ini juga kerap saya ulang dalam setiap ucapan dan sesi ramah mesra yang diadakan bersama kakitangan kita di negeri dan juga bila saya bertemu jurutera-jurutera kita di lapangan.
12. **Budaya kerja 4F** yang diperkenalkan oleh saya ini merupakan satu usaha bagi mewujudkan dan memupuk amalan kerja terbaik dan berteraskan produktiviti tinggi. Kita semua sedia maklum bagaimana Kementerian kesihatan berfungsi dan beroperasi. KKM merupakan antara Kementerian yang terpenting dalam negara yang menuntut komitmen yang tinggi dari semua pihak di samping pengemblengan tenaga dan penggunaan sumber manusia seoptimum mungkin dalam menyegerakan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
13. Dalam hal ini, kita perlu sentiasa ***Focus*** dalam melaksanakan setiap amanah yang diberikan. Setiap permasalahan perlu diperhalusi dengan teliti, proses kerja juga perlu sentiasa disemak dan dikemaskini agar sesuai dengan perubahan semasa agar kelemahan tata kelola dapat sentiasa diperbaiki di setiap peringkat. Saya juga telah menasihatkan kepada cawangan dan sektor berkaitan agar beberapa proses kerja diteliti dan disemak semula bagi memastikan ianya lebih kemas, praktikal untuk dilaksanakan dan turut mengambilkira tenaga kerja sedia ada.

14. Selain itu, setiap dari kita juga perlu **Flexible** dalam menangani sesuatu permasalahan. Tugas kita mungkin memerlukan pemikiran yang kritis, tindakan yang kreatif dan inovatif yang bersesuaian dengan keadaan sekeliling serta arus perubahan semasa. Saidina Ali pernah diriwayatkan berkata: “Jangan terlalu keras nanti patah, jangan pula terlalu lembut nanti cair”.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

15. Suka saya ingin mengingatkan, tahun demi tahun, tugas kita sentiasa lebih mencabar dan menuntut pelaksanaan yang segera demi kemaslahatan rakyat. Situasi ini memberikan isyarat kepada kita semua untuk membudayakan kecepatan dan kepesatan atau budaya **Fast** dalam pelaksanaan tugas supaya dasar-dasar yang dirangka kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih pantas. Saya sendiri juga sedang memantau projek-projek yang perlu disegerakan penyiapannya termasuklah naiktaraf wad kelas tiga di Hospital Kuala Lumpur yang telah diberikan kelulusan oleh YAB Perdana Menteri semasa lawatan beliau pada bulan April tahun ini.
16. Saya juga ingin berpesan agar semua kakitangan mempunyai nilai integriti yang kukuh dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan. Kita seharusnya mengamalkan ‘semak dan imbang’ dalam setiap perkara dan dalam konteks ini aspek ketepatan iaitu pelaksanaan tugas dengan betul pada kali pertama atau **First Time Right** perlu sentiasa dibudayakan. Kesilapan yang dapat dikurangkan akan berupaya menjimatkan masa dan kos di samping meningkat kualiti kerja dan produktiviti.

KEBAJIKAN TETAP DIUTAMAKAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati sekalian,

17. Pihak kerajaan sentiasa prihatin dan komited dalam **menjaga kebajikan anggota perkhidmatan awam**. Semasa sambutan Hari Pekerja 2024 baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peningkatan pendapatan minimum penjawat awam dalam membela kebajikan warganya mendepani kos sara hidup yang kian meningkat dan mencabar.
18. Pengumuman tersebut diharapkan dapat memberi suntikan semangat untuk kita terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, berintegriti, penuh amanah serta berteraskan tatakelola yang baik. Saya juga berharap agar seluruh anggota BPKj akan terus bekerja bersungguh-sungguh dan sentiasa dinamik dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dengan peningkatan rasa hormat dan ihsan sesama rakan setugas mahupun orang awam selaras dengan prinsip Malaysia MADANI.
19. Semasa dalam tempoh pentadbiran saya ini juga, saya akan sentiasa pastikan **kebajikan anggota BPKj diberikan keutamaan** agar tuan-tuan dan puan-puan dapat melaksanakan setiap tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sepenuh tumpuan dengan memberi fokus kepada sasaran pencapaian dan keberhasilan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, kementerian dan bahagian ini.

20. Perkara ini telah pun saya mulakan dengan menawarkan peluang pertukaran tempat kerja kepada semua anggota yang memerlukan dan saya telah mengarahkan Cawangan Perancangan untuk menyelaras perkara tersebut.
21. Selain bertujuan menjaga kebajikan anggota, pegawai yang telah bertukar dapat melihat dengan perspektif berbeza cara kerja di penempatan baharu dan berupaya membantu menambah baik organisasi dengan pendekatan yang berlainan berdasarkan pengalaman kerja yang diperoleh sebelum ini. Pertukaran ini juga merupakan sebahagian pelaksanaan urusan pusingan kerja selaras dengan Surat Edaran Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004.
22. Sehubungan itu, dengan kebajikan yang sentiasa diberikan perhatian oleh kerajaan hari ini, besarlah harapan saya agar kita semua dapat menterjemahkan semula kebaikan ini kepada sikap bertimbang rasa dan amalan suka memudah cara dalam setiap perkara yang kita laksanakan terutamanya semasa berurusan dengan pelanggan. Ini juga adalah selari dengan pendekatan penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat atau *citizen centric* yang memerlukan penjawat awam berfikiran realistik, mempunyai empati dan sentiasa bersedia untuk menyelesaikan masalah merentas agensi.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perhimpunan Pagi, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan pada hari ini.
24. Semoga amanat yang saya sampaikan pada pagi ini dapat memberikan manfaat dan menyuntik semangat kepada semua warga BPKj agar terus cemerlang dalam menjalankan tugas yang diberikan bagi memastikan perkhidmatan awam terus berfungsi sebagai tunjang kestabilan dan kesejahteraan negara.
25. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.